

BAB EMPAT

KAJIAN LAPANGAN

4.0 Pendahuluan

Bahasa Arab Tinggi adalah salah satu mata pelajaran elektif yang diajar kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima di sekolah menengah. Ia telah mula diperkenalkan semenjak tahun 1992 . Sebelum itu, nama mata pelajaran tersebut ialah Bahasa Arab. Sukatan mata pelajaran ini adalah lanjutan daripada mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang diajar kepada pelajar-pelajar tingkatan satu hingga tiga.

Pelajar-pelajar telah didedahkan secara khusus tentang kata kerja mu'tal ini semasa mereka berada di tingkatan empat di bahagian qawa'id bahasa Arab. Pelajar-pelajar telah diberikan pendedahan tentang cara-cara menggunakan kata kerja ini di dalam sesuatu ayat dengan mengambil kira segala perubahan yang berlaku kepada perkataan tersebut.

Mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, objektif pengajaran bahagian qawa'id bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah ialah (Namaadhij al-Ta'liim):

- i. Memupuk kemahiran pelajar dalam berbahasa Arab dari segi percakapan dan ucapan mengikut kaedah bahasa Arab yang betul.
- ii. Membolehkan pelajar membaca bahan bacaan bahasa Arab dalam berbagai bentuk dengan pemahaman yang mengikut kaedah bahasa yang tepat.
- iii. Membekalkan pelajar dengan kemahiran menulis bahasa Arab dalam berbagai bentuk penulisan mengikut kaedah bahasa Arab yang betul.

iv. Mengelakkan pelajar dari melakukan kesalahan ketika bercakap dan menulis dalam bahasa Arab.

Jelaslah di sini bahawa, penekanan yang diberikan kepada qawa'id bahasa Arab ini telah diberikan perhatian yang sewajarnya kepada pelajar dalam membolehkan mereka menguasai mata pelajaran ini.

Mengikut sukatan pelajaran juga, pelajar akan didedahkan dengan cara menggunakan kata kerja mu'tal dalam berbagai bentuk seperti menukarkannya kepada kata kerja kala kini/depan, kata kerja imperatif dengan mengisnadkannya kepada kata ganti nama. Selain itu, ditekankan juga cara bagaimana membentuk kata nama pelaku, kata nama objek dan masdar.

Penyelidikan ini dibuat adalah untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar dalam menggunakan kata kerja mu'tal. Oleh itu kaedah deskriptif dan dijalankan secara kajian lapangan menggunakan sampel ujian kemahiran dipilih untuk menjalankan penyelidikan ini. Menurut Mohd Majid (1990:103) penyelidikan sebegini sesuai digunakan untuk kajian yang bermatlamatkan pengumpulan maklumat terhadap sebahagian daripada populasi yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, maklumat yang dikumpul berkaitan penderivasian kata kerja mu'tal yang diajukan kepada para pelajar bagi memilih jawapan terbaik mengikut kemampuan yang secara tidak langsung menunjukkan tahap penguasaan mereka. Maklumat ini dikumpul dengan menggunakan kertas ujian kemahiran penggunaan kata kerja mu'tal bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan lima.

Kajian lapangan dilakukan untuk membolehkan penyelidik mengutip data yang akan dianalisis. Menurut Samarin (1993:1), kajian lapangan linguistik merupakan satu cara mendapatkan data linguistik untuk mengkaji fenomena linguistik. Dalam konteks kajian ini, data linguistik ialah data yang berkaitan dengan kemahiran pelajar menderivasikan kata kerja mu'tal dalam bentuk penukaran dari kata kerja kala lampau kepada kata kerja kala kini atau depan, kata kerja imperatif, masdar, kata nama pelaku dan tempat. Manakala maksud fenomena linguistik dalam kajian ini ialah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menderivasikan kata kerja mu'tal ini. Untuk mengutip data tersebut, satu ujian kemahiran menggunakan kata kerja mu'tal dalam bahasa Arab telah diberikan kepada pelajar untuk dijawab.

Menurut Samarin lagi, untuk melaksanakan kajian lapangan ini bukanlah sesuatu yang mudah. Pengkaji akan menghadapi berbagai-bagai kesulitan untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak yang terbabit. Justeru itu bagi melicinkan perjalanan ujian kemahiran itu dibuat, penulis memilih pelajar di sekolah tempat penulis bertugas sebagai responden yang hendak diuji. Namun begitu, beberapa kekangan terpaksa dihadapi memandangkan pelajar tersebut sedang di ambang peperiksaan di mana setiap detik masa yang berjalan itu terlalu berharga.

4.1 Metodologi

4.1.1 Tempat dan Alat Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong, iaitu sekolah tempat penulis bertugas. Sekolah ini terletak di daerah Bentong di mana jaraknya ke bandar tersebut kira-kira 25 kilometer. Pekan yang paling hampir dengan sekolah tersebut ialah pekan Karak yang jauhnya kira-kira 5 kilometer dari sekolah.

Pelajar sekolah ini terdiri daripada 100% berbangsa Melayu dan mereka tinggal di asrama kesemuanya. Sekolah ini baru dibuka pada tahun 1997 dan pelajar yang terlibat dengan kajian ini adalah generasi pertama yang bakal dihasilkan oleh sekolah.

Kajian ini melibatkan 21 orang pelajar tingkatan lima yang mengambil matapelajaran ini. Mereka terdiri daripada 5 orang lelaki dan 16 orang perempuan. Kajian ini dijalankan semasa mereka hampir menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2001. Tarikh tersebut difikirkan sesuai kerana memandangkan mereka sedang dalam mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan tersebut.

4.1.2 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengemukakan soalan objektif yang merangkumi penggunaan kata kerja mu'tal dengan cara berikut:

- i. Menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada kata kerja kala kini/depan.
- ii. Menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada kata kerja imperatif.
- iii. Menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada maṣḍar.
- iv. Menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada kata nama pelaku.
- v. Menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada kata nama tempat.

Perkataan yang dipilih adalah perkataan yang biasa digunakan oleh pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi. Ia merangkumi keempat-empat jenis kata kerja mu'tal iaitu:

- i. Kata kerja mu'tal mithaal.
- ii. Kata kerja mu'tal ajwaf.
- iii. Kata kerja mu'tal naaqiṣ.

iv. Kata kerja mu'tal lafiif mafruuq dan lafiif maqrurun.

Jumlah dan taburan soalan adalah seperti jadual⁹ di bawah.

Jadual 7

Jumlah dan Taburan Soalan

Jenis Kata Kerja	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Kala Kini /Depan	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Kata Kerja Kala Lampau → Maṣḍar	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat
Mithaal	3	1	1	1	1
Ajwaf	3	6	1	1	1
Naaqiṣ	3	1	1	1	1
Lafiif	3	1	1	1	1
Mafruuq					
Lafiif	3	-	1	1	1
Maqrurun					
JUMLAH	15	9	5	5	5

* Penukaran kata kerja kala lampau kepada kata kerja imperatif ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penukaran kepada kata kerja imperatif dengan menggunakan:

- i. Kata ganti nama diri kedua (mufrad) maskulin
- ii. Kata ganti nama diri kedua (mufrad) feminin

⁹Pada hemat penulis, kewajaran pemilihan taburan soalan untuk setiap topik adalah memadai jumlahnya kerana skop kajian yang hanya memperincikan kepada huruf 'illah yang asal bagi kata kerja tersebut. Tambahan pula ia hanyalah sisipan kepada tajuk disertasi ini.

Masa yang diberikan ialah selama 20 minit sahaja di mana responden menjawab secara bersendirian. Masa tersebut difikirkan sesuai kerana memandangkan soalan yang diberikan adalah soalan objektif dan perkataan tersebut biasa digunakan dalam matapelajaran Bahasa Arab Tinggi.

4.1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam menggunakan kata kerja mu'tal.
- ii. Mengenal pasti aspek yang menjadi masalah kepada pelajar dalam menggunakan kata kerja mu'tal.
- iii. Menyedarkan pihak yang terbabit dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab supaya memberikan perhatian kepada aspek penggunaan kata kerja mu'tal .
- iv. Mencari jalan untuk mengatasi masalah ini berdasarkan dapatan yang diperolehi dan cadangan yang dikemukakan.
- v. Memberikan kesedaran kepada pelajar tentang peri pentingnya mengetahui huruf 'illah asal kepada kata kerja mu'tal.

Kajian ini dijalankan pada pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Seri Bentong sahaja. Jenis kemahiran yang difokuskan dalam kajian ini dihadkan kepada kemahiran mengamati dan memilih perkataan yang difikirkan betul dari jawapan-jawapan objektif yang disediakan. Ketepatan dan kesalahan pemilihan yang dilakukan oleh pelajar akan dianalisis secara mendalam.

4.1.4 Analisis Kajian

Setelah dianalisis, secara keseluruhannya didapati bahawa responden masih belum dapat menguasai sepenuhnya derivasi kata kerja mu'tal ini dari segi penukaran-penukaran dari kata kerja kala lampau kepada aspek-aspek yang disoal.

4.1.4.1 Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Kala Kini /Depan

Merujuk kepada Jadual 8 di bawah, penguasaan responden masih di tahap rendah dalam menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata kerja kala kini/depan ini.

Jadual 8

Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Kala Kini /Depan

Jumlah Betul	3/3	%	2/3	%	% LULUS	1/3	%	0/3	%	GAGAL
Mithaal	2	9.52	7	33.33	42.85	5	23.81	7	33.33	57.14
Ajwaf	14	66.66	4	19.05	85.71	3	14.29	0	0	14.29
Naaqış	10	47.62	7	33.33	80.95	4	19.05	0	0	19.05
Lafiif	0	0	0	0	0.0	7	33.33	14	66.66	100.00
Mafruuq										
Lafiif	4	19.05	3	14.29	33.34	4	19.05	10	47.62	66.67
Maqrurun										

Berdasarkan Jadual 4.1 , didapati penguasaan responden yang tertinggi iaitu betul dalam menjawab ketiga-tiga soalan yang dikemukakan ialah dalam menukarkan kata kerja ajwaf kala lampau kepada kala kini/depan iaitu 66.66% dengan peratus lulusnya

ialah 85.71%. Manakala penguasaan pelajar yang paling rendah sekali ialah dalam menukarkan kata kerja lafiif mafruq kala lampau kepada kala kini/depan di mana responden hanya dapat menjawab dengan betul 1 daripada 3 soalan dengan peratusan sebanyak 33.33% . Selebihnya responden gagal memilih jawapan yang tepat. Ini bermakna 100% responden gagal menjawab dalam ujian ini.

4.1.4.2 Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif

Jadual 9

Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif

Jenis Kata Kerja Mu'tal	3/3	%	2/3	%	LULUS	1/3	%	0/3	%	GAGAL
Ajwaf (Maskulin)	19	90.48	2	9.52	100	0	0	0	0	0.00
Ajwaf (Feminin)	1	4.76	2	9.52	14.28	18	85.71	0	0	85.71
Mithaal						21	100	0	0	0.00
Naaqis						3	14.29	18	85.71	85.71
Lafiif Maqruun						2	9.52	19	90.48	90.48

Merujuk kepada Jadual 9 di atas, jelas kepada kita bahawa tahap penguasaan responden juga tidak sepenuhnya. Namun ada sedikit peningkatan berbanding dengan analisis sebelum ini di mana penguasaan tertinggi responden dapat dilihat dalam menukarkan kata kerja ajwaf (maskulin) kala lampau kepada kata kerja imperatif dengan 90.48% (100% responden lulus). Namun begitu, jelas bahawa penguasaan responden dalam menukarkan kata kerja ajwaf (feminin) kala lampau kepada kata kerja imperatif tidak

sebaik kata kerja ajwaf (maskulin) dengan hanya 4.76% sahaja yang dapat memberikan jawapan yang betul ketiga-ketiganya. Sementara bagi perbandingan dalam penukaran kata kerja mithaal, kata kerja naaqiṣ dan kata kerja lafiif maqruun menunjukkan bahawa responden lebih menguasai kata kerja mithaal dengan berjaya 100% memberikan jawapan yang betul.

4.1.4.3 Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Maṣdar

Jadual 10

Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Maṣdar

Jenis Kata Kerja Mu'tal	Betul	%	Salah	%
Mithaal	16	76.19	5	23.81
Ajwaf	19	90.48	2	9.52
Naaqiṣ	6	28.57	15	71.43
Lafiif Mafruuq	17	80.95	4	19.05
Lafiif Maqruun	7	33.33	14	66.66

Jadual 10 di atas menunjukkan pula tentang tahap penguasaan responden dalam menukarkan kata kerja mu'tal kala lampau kepada maṣdar. Dari kelima-lima jenis kata kerja mu'tal, penguasaan responden adalah lebih tinggi dalam menukarkan kata kerja ajwaf kepada maṣdar dengan 90.48%, sementara penguasaan responden yang terendah ialah dalam menukarkan kata kerja naaqiṣ kepada masdar dengan hanya 28.57% sahaja yang berjaya memberikan jawapan yang tepat.

4.1.4.4 Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku

Jadual 11

Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku

Jenis Kata Kerja Mu'tal	Betul	%	Salah	%
Mithaal	11	52.38	10	47.62
Ajwaf	20	95.24	1	4.76
Naaqis	0	0	21	100
Lafiif Mafruuq	0	0	21	100
Lafiif Maqruun	2	9.52	19	90.48

Berdasarkan Jadual 11, didapati penguasaan responden adalah lebih baik dalam menukarkan kata kerja ajwaf kepada kata nama pelaku dengan 95.24% berjaya memberikan jawapan yang tepat. Manakala bagi penukaran kata kerja naaqis dan lafiif mafruuq didapati tiada seorang pun responden yang berjaya memberikan jawapan yang tepat.

4.1.4.5 Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat

Jadual 12

Analisis Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat

Jenis Kata Kerja Mu'tal	Betul	%	Salah	%
Mithaal	17	80.95	4	19.05
Ajwaf	21	100	0	0

Naaqis	17	80.95	4	19.05
Lafiif Mafruuq	14	66.66	7	33.33
Lafiif Maqruun	14	66.66	7	33.33

Merujuk kepada Jadual 12, responden dapat menguasai penukaran kata kerja ajwaf kepada kata nama tempat dengan baik di mana kesemua mereka dapat menjawab dengan tepat. Manakala tahap penguasaan terendah responden dalam hal ini ialah semasa menukarkan kata kerja lafiif mafruuq dan kata kerja lafiif maqruun kepada kata nama tempat di mana hanya 66.66% sahaja yang dapat memberikan jawapan yang betul.

4.1.5 Analisis Keseluruhan

Selepas mengamati dengan teliti berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual-jadual yang telah diberikan, jelaslah kepada kita bahawa responden belum dapat menguasai sepenuhnya penderivasian kata kerja mu'tal ini walaupun diajukan dengan soalan-soalan daripada perkataan-perkataan yang biasa mereka gunakan. Secara perbandingan, dengan merujuk kepada Jadual 13 di bawah, kita akan melihat aspek manakah yang lebih dikuasai oleh responden dan aspek penguasaan responden yang paling lemah berdasarkan pemilihan jawapan yang betul atau betul semua, dan jawapan yang salah atau salah semua.

Jadual 13

Analisis Penukaran Kata Kerja Mu'tal Peratusan Betul Semua

Bil	Aspek	Jenis Kata Kerja	% Betul semua
1	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Ajwaf (Maskulin)	90.48

2	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Ajwaf	66.66
3	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Naaqis	47.62
4	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Lafiif Maqrūun	19.05
5	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Mithaal	09.52
6	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Ajwaf (Feminin)	04.76
7	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Lafiif Mafrūuq	00.00

Jadual 14

Analisis Penukaran Kata Kerja Mu'tal Peratusan Salah Semua

Bil	Aspek	Jenis Kata Kerja	% Salah semua
1	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Lafiif Mafrūuq	66.66
2	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Lafiif Maqrūun	47.62
3	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Mithaal	33.33
4	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Ajwaf	00.00
5	Kata Kerja Kala Lampau→ Kata Kerja Kala Kini /Depan	Naaqis	00.00

6	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Ajwaf (Feminin)	00.00
7	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Ajwaf (Maskulin)	00.00

Jadual 15

Analisis Penukaran Kata Kerja Mu'tal Peratusan Betul

Bil	Aspek	Jenis Kata Kerja	% Betul
1	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Mithaal	100
2	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Ajwaf	100
3	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Ajwaf	95.24
4	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Ajwaf	90.48
5	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Lafiif Mafruuq	80.95
6	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Mithaal	80.95
7	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Naaqis	80.95
8	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Mithaal	76.19
9	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Lafiif Mafruuq	66.66

10	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Lafiif Maqruun	66.66
11	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Mithaal	52.38
12	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Lafiif Maqruun	33.33
13	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Naaqis	28.57
15	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Naaqis	14.29
16	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Lafiif Maqruun	09.52
17	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Naaqis	00.00
18	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Lafiif Mafruuq	00.00

Jadual 16

Analisis Penukaran Kata Kerja Mu'tal Peratusan Salah

Bil	Aspek	Jenis Kata Kerja	% Salah
1	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Lafiif Mafruuq	100
2	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Naaqis	100

3	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Lafiif Maqruun	90.48
4	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Lafiif Maqruun	90.48
5	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Naaqış	85.71
6	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Naaqış	71.43
7	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Lafiif Maqruun	66.66
8	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Mithaal	47.62
9	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Lafiif Maqruun	33.33
10	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Lafiif Mafruuq	33.33
11	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Mithaal	23.81
12	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Mithaal	19.05
13	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Naaqış	19.05
14	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Lafiif Mafruuq	19.05
15	Kata Kerja Kala Lampau → Maşdar	Ajwaf	09.52

16	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Pelaku	Ajwaf	04.76
17	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Kerja Imperatif	Mithaal	00.00
18	Kata Kerja Kala Lampau → Kata Nama Tempat	Ajwaf	00.00

Berdasarkan kepada jadual-jadual di atas, ternyata tahap penguasaan responden dalam menggunakan kata kerja ajwaf adalah tertinggi sekali berbanding dengan kata kerja mu'tal yang lain. Cuma yang mendatangkan masalah kepada responden bagi kata kerja ajwaf ini ialah ketika menukarkannya kepada kata nama pelaku di mana mereka tidak dapat membezakan antara kata kerja yang perlu ditambahkan huruf hamzah selepas 'ain kata kerja tersebut dengan yang sebaliknya.

4.1.6 Masalah Yang Dihadapi Responden

Responden menghadapi masalah-masalah yang tertentu ketika menderivasikan kata kerja mu'tal ini yang menyebabkan mereka gagal memberikan jawapan yang tepat kepada soalan yang diberikan. Masalah-masalah tersebut dapatlah dilihat mengikut kategori kata kerja mu'tal tersebut seperti di bawah:

4.1.6.1 Masalah Kata Kerja Mu'tal Ajwaf

Walaupun penguasaan pelajar dalam menderivasikan kata kerja ajwaf ini adalah yang tertinggi berbanding dengan penguasaan mereka terhadap kata kerja mu'tal lain, mereka masih lagi menghadapi masalah terutamanya dalam menentukan huruf 'illah yang asal

bagi sesuatu perkataan tersebut. Huruf 'illah yang asal itu akan dikembalikan kepada perkataan tersebut apabila ia ditasrifkan kepada kata kerja kala kini/depan, kata kerja imperatif (feminin) dan maṣḍar. Contohnya perkataan قَالَ apabila ditasrifkan kepada kata kerja kala kini/depan, ia akan dikembalikan huruf 'illah yang asalnya iaitu و untuk menjadi يَقُولُ.

Selain itu, terdapat seorang responden yang menghadapi masalah dalam menambahkan huruf hamzah apabila ia ditasrifkan kepada kata nama pelaku seperti contoh perkataan قَالَ bertukar menjadi قَائِلٌ.

4.1.6.2 Masalah Kata Kerja Mu'tal Mithaal

Melalui analisis yang dibuat, jelaslah bahawa penguasaan responden dalam menderivasikan kata kerja mithaal adalah di tahap yang rendah di mana jika dilihat pada penukaran kata kerja kala lampau - kata kerja kala kini/depan umpamanya sebilangan besar di kalangan responden masih mengekalkan huruf 'illah waaw di pangkal perkataan sedangkan yang sepatutnya ia mestilah dibuang. Selain dari itu, terdapat juga sebilangan responden yang terkeliru di antara maṣḍar, kata nama pelaku dan kata nama tempat.

4.1.6.3 Masalah Kata Kerja Mu'tal Naaqis

Dalam menggunakan kata kerja ini, responden menghadapi beberapa masalah. Antaranya yang paling ketara sekali ialah ketika menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata nama pelaku di mana responden terkeliru dengan menambahkan huruf

hamzah seperti dalam menukarkan kata kerja ajwaf kepada kata nama pelaku. Sepatutnya kata nama pelaku bagi kata kerja naaqis ini tidak memerlukan penambahan huruf hamzah sebaliknya hanya perlu ditambahkan huruf aliif dan dibuang huruf 'illah diujung perkataan tersebut. Selain itu, kelemahan yang ketara juga jelas kelihatan dari sebilangan besar responden ketika menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata kerja kala kini/depan di mana responden gagal menukarkan huruf 'illah dalam kata kerja kala lampau kepada huruf 'illahnya yang asal. Di samping itu, sebilangan besar juga responden tidak dapat menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata kerja imperatif dengan betul terutamanya dalam membariskan huruf yang terakhir selepas dibuangkan huruf 'illah. Tidak semua responden dapat memberikan jawapan yang tepat bagi masdar kepada kata kerja naaqis ini.

4.1.6.4 Masalah Kata Kerja Mu 'tal Lafiif Mafruuq

Masalah utama yang dikesan yang dihadapi oleh semua responden ialah ketika menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata nama pelaku di mana mereka turut terkeliru dengan penambahan huruf hamzah. Selain dari itu, kebanyakan responden tidak dapat memberikan jawapan yang betul dalam menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata kerja kala kini/depan di mana mereka masih lagi mengekalkan huruf 'illah faa' kata. Sepatutnya huruf 'illah tersebut hendaklah dibuangkan. Selain itu, responden juga tidak dapat menguasai sepenuhnya penggunaan kata kerja lafiif mafruuq semasa menukarkannya kepada masdar.

4.1.6.5 Masalah Kata Kerja Mu 'tal Lafiif Maqrūun

Responden menghadapi masalah ketika menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata kerja imperatif kerana ia dibentuk dalam pola yang amat berbeza dengan kata kerja mu'tal yang lain, iaitu di bawah wazan ع. Walaupun pilihan jawapan yang diberikan dalam bentuk yang sama dan dikelirukan dengan barisnya sahaja, namun responden masih tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kerana mereka tidak dapat mengaitkannya dengan kata kerja kala kini/depan yang memberikan bayangan kepada kata kerja imperatif di mana menurut kaedahnya, kata kerja imperatif dibina daripada kata kerja kala kini/depan yang majzuum dan pembarisan 'ain perkataan tersebut adalah sama bagi kata kerja kala kini/depan dan kata kerja imperatif. Contohnya perkataan وقى bertukar menjadi يقى dan ق .

Selain itu juga, kesemua responden tidak dapat memberikan jawapan yang betul bagi penukaran kata kerja kala lampau kepada kata nama pelaku. Ini disebabkan oleh kekeliruan yang berlaku kepada responden di mana mereka telah menambahkan huruf hamzah yang tidak sepatutnya ditambah apabila menukarkannya kepada kata nama pelaku.

4.1.7 Cadangan Kepada Pendidik

Pendidik selaku pemudah cara dan penyampai ilmu kepada para pelajar perlu memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Para pendidik semestinyalah melengkapkan diri dengan ilmu yang secukupnya ketika mengajar sesuatu ilmu khususnya yang berkenaan dengan bahasa Arab.

2) Pendidik seharusnya berusaha sedaya upaya menanam rasa minat yang mendalam di kalangan para pelajar tentang pembelajaran bahasa Arab. Ini boleh dilakukan dengan melakukan persediaan yang rapi dan pemilihan metodologi pengajaran yang sesuai dengan arus perkembangan zaman agar mata pelajaran bahasa Arab ini tidak dianggap anti pemodenan. Justeru, penggunaan alatan yang berasaskan multimedia seperti komputer dan sebagainya perlulah diberikan perhatian agar dengan cara ini para pelajar akan merasakan bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang sesuai digunakan sepanjang zaman.

3) Para pendidik sewajarnya berusaha menghasilkan buku-buku rujukan tambahan untuk dijadikan panduan para pelajar. Ini adalah kerana memandangkan buku teks yang sedia ada tidak dapat memenuhi setiap keperluan yang ditagih oleh para pelajar kerana ia dipersembahkan mengikut ala tradisional. Tambahan pula buku rujukan yang terdapat di pasaran terlalu terhad dan pasarannya tidak begitu meluas. Selain dari itu, pendidik patut memikirkan rancangan bagaimana hendak memudahkan cara pengajaran itu disampaikan seperti mempersembhkannya melalui CD Room dan sebagainya.

4.1.8 Cadangan Kepada Pelajar

Pelajar sebagai generasi yang bakal memikul tanggungjawab membangun dan memimpin negara di suatu masa kelak seharusnya mengambil langkah berikut:

1) Memenuhi diri dengan pelbagai aspek ilmu terutama sekali ilmu agama yang menjadi teras kepada kehidupan tidak kira di mana atau bila. Untuk memahami agama, pelajar perlu mengetahui teras atau sumber kepada ilmu agama tersebut. Sumber

tersebut ialah al- Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab. Justeru, pelajar mestilah memberikan penekanan kepada bahasa Arab sehingga dapat menguasai sepenuhnya.

2) Kata kerja mu'tal ini walaupun ia hanyalah satu juzuk kecil daripada perbicaraan tentang bahasa Arab, namun ia memainkan peranan penting dalam memahami sesuatu teks ilmu yang menggunakan bahasa tersebut. Sebarang perubahan yang berlaku kepada kata kerja tersebut akan membawa perubahan kepada makna. Gagal memberikan makna yang tepat akan menyebabkan kefahaman terhadap sesuatu teks itu menyimpang dari objektif asalnya. Ini amatlah membahayakan kerana ia bersangkutan dengan perkara keagamaan yang tidak boleh dipandang secara sambil lewa sahaja.

3) Pelajar tidak seharusnya memandang ringan terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi walaupun sekarang ini ramai yang berpendapat bahawa pekerjaan sebagai seorang "ustaz" tidak semewah seorang jurutera atau doktor di mana untuk lulus dalam bidang tersebut tidak semestinya lulus cemerlang dalam bahasa Arab.

4) Kekurangan bahan rujukan di pasaran hendaklah dianggap sebagai satu cabaran dan kekangan tradisi dalam menguasai sesuatu ilmu. Namun ia masih dapat diatasi dengan mendampingi guru yang berkemahiran untuk meminta pandangan dan mengemukakan segala persoalan yang gagal diselesaikan.

4.2 Kesimpulan

Hasil kajian berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa sebilangan besar responden tidak dapat menguasai kaedah menderivasikan kata kerja mu'tal ini. Pokok kepada

permasalahan yang dihadapi oleh responden adalah kerana ketidakpastian dalam menentukan keaslian huruf ‘illah yang terdapat dalam struktur kata kerja tersebut. Ini jelas menimbulkan masalah kepada mereka dalam menukarkannya daripada kata kerja kala lampau kepada kata kerja kala kini/depan, kata kerja imperatif, masdar, kata nama pelaku dan kata nama tempat. Justeru, penekanan dan penumpuan patut dititikberatkan oleh pelajar dan pengajar dalam menentukan peranan huruf ‘illah ini kerana dengan penguasaan terhadap keaslian, penukaran, pengguguran dan pengalihan dapat mengelakkan daripada melakukan kesilapan yang tidak sewajarnya berlaku.

Perlu disebutkan di sini walaupun tajuk kata kerja mu‘tal ini adalah sebahagian daripada tajuk-tajuk yang telah dimasukkan dalam sukatan pelajaran oleh Kementerian Pendidikan, namun dalam peperiksaan SPM ia tidak keluar secara menyeluruh. Cuma apa yang ditanya hanyalah derivasi yang berkaitan penukaran kata kerja mu‘tal kepada aspek-aspek yang terhad dengan agihan pemarkahan yang sedikit, iaitu antara satu hingga dua markah sahaja.

Antara soalan yang pernah keluar dalam peperiksaan SPM adalah seperti berikut:

- ii. Menukarkan masdar kepada kata nama masa.

وَصُورِ الطَّائِرَةِ _____ يَنْتَظِرُ الرُّكَّابَ (Penumpang-penumpang menunggu _____

ketibaan kapal terbang) (1994). Perkataan yang diberi ialah الوَعْدَ (janji). Pelajar perlu

menukarkannya kepada مَوْعِدَ (jadual / masa temu janji).

iii. Menukarkan masdar kepada kata kerja imperatif

صَدِيقَكَ الْوَالِي قَبْلَ السَّفَرِ _____ (_____ kawan kamu yang baik sebelum

bermusafir) (1997). Perkataan yang diberikan ialah الإِخْتِيَار (pemilihan). Jawapannya

ialah اِخْتَر (pilihlah).

iv. Menukarkan masdar kepada kata nama objek

الْحَفْلَةُ _____ فِي الْمَدْرَسَةِ نَالَتْ إِقْبَالَ حَارًّا مِنْ أَوْلِيَاءِ الطَّلَبَةِ. (Perayaan _____ di

sekolah mendapat sambutan hangat daripada penjaga-penjaga pelajar) (1997).

Perkataan yang diberikan ialah الإِقَامَةُ (mendirikan). Jawapannya ialah الْمُقَامَةُ (diadakan)

v. Menukar kata kerja kala lampau atau kata kerja kala kini/depan kepada masdar.

a. تَبْدَأُ التَّكْبِيرَ فِي عِيدِ الْفِطْرِ مِنْ _____ الْهِلَالِ حَتَّى يَغْدُو النَّاسُ إِلَى الْمَسْجِدِ. (Takbir

bermula pada hari raya 'Idil Fitri dari _____ anak bulan sehinggalah orang

ramai pergi ke masjid pada waktu pagi) (1996). Perkataan yang diberi ialah kata

kerja kala lampau رَأَى (melihat). Jawapannya ialah رُؤْيَةٌ (penglihatan)

b. أَنَا لَا أَحِبُّ أَنْ أَزُورَ صَدِيقِي لَيْلًا (Saya tidak suka menziarahi kawan pada waktu

malam) (1998). Kata kerja kala kini/depan أَزُورُ (saya menziarahi) perlu ditukar

kepada masdar iaitu زِيَارَةٌ (lawatan).

c. يَتْلُونَ الْقُرْآنَ فِي الصَّلَاةِ وَغَيْرِهَا (Orang-orang Islam membaca al-Quran

dalam sembahyang dan dalam ibadat-ibadat lain) (1998). Kata kerja يَتْلُونَ

(membaca) perlu ditukarkan kepada maşdar iaitu بَلَاوَةٌ.

d. يَسْتَطِيعُ الْمُتَجَوِّلُ أَنْ يُشَاهِدَ حَيًّا كَامِلًا بُنِيَ مَنْزِلُهُ عَلَى نَسَقٍ وَاحِدٍ حَيْثُ زُوِّدَ فِيهِ بِمَا

يَحْتَاجُهُ مِنْ مَرَافِقٍ عَامَّةٍ

(Pelawat mampu (dapat) melihat satu kampung/seksyen yang dibina rumah-rumahnya mengikut satu corak di mana dibekalkan kepadanya apa yang diperlukan dari segi kemudahan-kemudahan awam.) (2001) Dalam soalan ini pelajar diminta menukarkan kata kerja kala kini/depan يَسْتَطِيعُ (mampu), kata kerja kala lampau

بُنِيَ (dibina), dan kata kerja kala lampau زُوِّدَ (dibekalkan) kepada maşdar. Jawapan

kepada soalan tersebut ialah تَزْوِيدٌ dan بِنَاءٌ إِسْتِطَاعَةٌ.

vi. Menukarkan kata kerja kala lampau kepada kata nama pelaku.

a. _____ قَامَ الْمُدِيرُ بِتَوْزِيْعِ شَهَادَةِ التَّقْدِيرِ لِلطُّلَابِ (Pengetua menyampaikan sijil penganugerahan kepada pelajar-pelajar _____) (1996). Perkataan yang diberi

ialah فَأَقَّ (mengatasi). Jawapannya ialah الْمُتَفَوِّقِينَ (cemerlang).

b. *فَوَصَلَ إِلَى حَدِيقَةِ تَقَعُ شَرْقَ الْمَدِينَةِ ثُمَّ أَوْقَفَ سَيَّارَتَهُ أَمَامَ بَابِهَا* (Maka dia pun sampai ke taman yang terletak di timur bandar, kemudian dia memberhentikan keretanya di hadapan pintunya) (1996). Perkataan *تَقَعُ* (terletak) perlu ditukar kepada kata nama pelaku iaitu *وَأَقَعَةً* (yang terletak) dan perkataan *أَوْقَفَ* (memberhentikan) perlu ditukarkan kepada kata nama pelaku iaitu *مُوقِفٍ* (orang yang memberhentikan).

c. *وَقَدْ قُمْنَا فِي هَذِهِ الرَّحْلَةِ بِزِيَارَةِ الْجَامِعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْعَالَمِيَّةِ* (Dalam perjalanan ini, kami telah mengadakan lawatan ke Universiti Islam Antarabangsa) (1999). Kata kerja *قُمْنَا* (kami telah mengadakan) perlu ditukar kepada kata nama pelaku, iaitu *قَائِمٍ* (orang yang mengadakan).

ix. Menukarkan kata nama pelaku kepada maṣḍar.

الْمِصْبَاحُ الْمُنِيرُ يَتَلَأَلُ ضَوْؤُهُ (Lampu yang menerangi itu bergemelapan cahayanya) (1998).

Perkataan *الْمُنِيرُ* (bercahaya/menerangi) perlu ditukar kepada maṣḍar iaitu *نُورٍ* (cahaya).

Pelajar kurang memberikan tumpuan kepada kata kerja mu'tal kerana ia hanya memperuntukkan markah yang sedikit walaupun boleh dikatakan ia keluar dalam peperiksaan hampir setiap tahun dalam berbagai bentuk. Pelajar lebih memberikan tumpuan kepada bidang yang berkaitan fleksi kata kerja dan kata nama, balaghah dan perkataan seerti serta berlawanan. Kurangnya penumpuan ini menjadi salah satu faktor

yang menyumbang kepada kegagalan pelajar memberikan jawapan yang tepat kepada soalan ujian kemahiran yang diberikan kepada mereka.